

InvestED bangun saluran bakat

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam melancarkan inisiatif terbaharu pasaran modal, InvestED yang akan meningkatkan kebolehpasaran graduan serta membangunkan saluran bakat mampan.

Perdana Menteri berkata, InvestED atau Program Graduan Pasaran Modal (CMGP) dijangka dapat mengatasi kekurangan tenaga mahir dalam pasaran modal."

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, inisiatif terbaharu itu juga adalah kerjasama pertama antara Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Kementerian Kewangan, Kementerian Pendidikan Tinggi, Bursa Malaysia serta peserta industri pasaran modal terkemuka.

Program itu katanya, dibiayai

oleh Dana GMDF dengan peruntukan RM30 juta.

"Program ini tentunya dapat membuka lebih baik peluang pekerjaan kepada graduan.

"Saya difahamkan 9,000 mahasiswa akan meraih manfaat pendedahan kepada peluang pekerjaan dalam industri pasaran modal dengan 600 orang akan terjamin mendapat pekerjaan dalam masa tiga tahun," katanya ketika melancarkan InvestED di sini, semalam.

Anwar berkata, kerajaan yakin jumlah penerima manfaat itu boleh dipertingkatkan lagi melalui penyertaan lebih banyak pemain industri yang bekerjasama dengan universiti.

Pada masa sama, kerajaan berharap program seumpama ini turut membantu pelajar daripada keluarga susah supaya

mereka tidak tertinggal meraih manfaat peluang pekerjaan yang lebih baik.

"Ini cukup penting dan selaras dengan hasrat Malaysia MADANI. InvestED akan berperanan sebagai inisiatif unik yang menyatukan sektor kerajaan dan swasta untuk mewujudkan platform bagi kedua-dua pihak graduan dan majikan," katanya.

Dalam perkara berkaitan, Anwar menggesa syarikat tempatan mempertimbangkan pemberian elaun kepada pelajar latihan industri di negara ini.

Beliau bagaimanapun tidak menetapkan satu kadar untuk elaun terbabit, tetapi jumlah berkenaan wajar dipertimbangkan bagi memastikan ia dapat membantu kos sara hidup pelajar.